

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI UPACARA PELANCARAN BULAN DAYA PENGELUARAN KEBANGSAAN

TEMPAT: HOTEL DAYANG PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA, PETALING JAYA,

TARIKH: 01 NOV 1983

MASA:

Yang Berbahagia Dr. Nawawi Mat Awini,
Pengerusi Majlis Daya Pengeluaran
Negara;
Tan Sri-Tan Sri;
Datuk-Datuk;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin
sekalian.

Produktiviti atau daya pengeluaran adalah faktor yang terutama sekali dalam pembangunan sesebuah masyarakat atau negara. Oleh itu amatlah penting kita faham apa yang dimaksudkan dengan daya pengeluaran dan peranan yang dimainkan olehnya. Dan tidak kurang pentingnya ialah usaha mengamalkan cara-cara meningkatkan daya pengeluaran.

2. Saya percaya dan saya harap kempen daya pengeluaran ini tidak menjadi satu 'academic exercise' di mana banyak seminar, kertas kerja, kritik dan diskusi diadakan tanpa amalan cara-cara meningkatkan daya pengeluaran. Daya pengeluaran akan meningkat jika daya bercakap dikurangkan.

3. Sebenarnya peningkatan daya pengeluaran bergantung kepada beberapa faktor yang mudah diamalkan. Yang pertama dan utama ialah kerajinan. Walau apa sistem atau alat atau jentera atau teknik digunakan, jika malas, pengeluaran tidak akan sejajar dengan kemudahan yang disediakan. Oleh itu tabiat rajin bekerja mestilah dipupuk sebagai satu daripada nilai yang termulia sekali dalam masyarakat kita. Orang yang rajin mesti dihormati bukan sahaja oleh majikan tetapi juga oleh pekerja dan kesatuan-kesatuan mereka. Seterusnya masyarakat mesti menghormati orang yang rajin.

4. Amalan Barat bahawa kita harus kerja mengikut 'speed' pekerja yang 'slow' sekali akan menggugat daya pengeluaran kita. Sepatutnya kita berlumba-lumba untuk mengeluarkan servis atau barangan dengan sebanyak-banyaknya dengan mutu yang tinggi dalam masa yang ditentukan.

5. Mungkin ada yang berfikir bahawa ini akan menjadikan kita hamba kepada majikan ataupun kita terlalu mengejar kejayaan kebendaan. Tetapi dalam dunia yang berlumba-lumba ini, daya pengeluaran yang rendah akan menyebabkan kekalahan dalam pasaran dan akhirnya pengangguran pekerja atau

sekurang-kurangnya pendapatan mereka tidak akan meningkat. Secara tidak langsung orang yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah akan jadi hamba kepada orang lain. Oleh itu untuk kepentingan diri, jika tidak kepentingan syarikat atau perusahaan, atau kepentingan negara, pekerja mestilah bekerja kuat. Pekerja dan pegawai harus tidak lupa bahawa majikan yang maju dan negara yang makmur tetap akan memberi keuntungan kepada mereka, secara langsung melalui tambahan pendapatan, dan secara tidak langsung melalui kemudahan am seperti persekolahan untuk anak, hospital dan kelinik, jalan dan beribu-ribu manfaat yang lain. Jika negara-negara yang maju mempunyai kemudahan untuk orang ramai yang termoden dan lengkap, sebabnya ialah pendapatan Kerajaan adalah tinggi hasil dari tingginya daya pengeluaran rakyat.

6. Tidak akan rugi sesiapa yang bekerja kuat. Oleh itu sanjungilah kerajinan sebab kita tidak akan rugi kerananya. Hari ini malangnya kita dapati ramai daripada rakyat Malaysia yang tidak sanggup bekerja dalam berbagai jenis pekerjaan dan membiarkan orang asing memenuhi bidang-bidang tertentu. Ketidak sanggupan ini akan menjadi kita hamba akhirnya. Jika kaum bumiputera dahulu sanggup bekerja dalam ladang getah dan lombong timah, sanggup mempelajari cara-cara berniaga dan berusaha, hari ini mereka tidak akan menjadi cuma satu kaum dalam masyarakat majmuk. Mereka juga tidak akan jadi kaum yang lemah dan ketinggalan zaman. Jika mereka tidak mahu sekali lagi tertinggal di belakang mereka mesti sanggup bekerja dalam semua bidang, dan bekerja dengan kuat dan rajin. Daya pengeluaran mereka mestilah setanding atau lebih tinggi dari kaum-kaum lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Dalam sejarah, bangsa-bangsa yang menggunakan askar upahan untuk pertahanan akhirnya kehilangan negara. Begitu juga bangsa yang tidak sanggup bekerja dan bekerja kuat akan kehilangan kedudukan. Tidak ada gunanya kita menyalahkan orang lain kerana pilihan ada di tangan kita. Kitalah yang akan menentukan nasib kita.

8. Faktor yang kedua yang penting dalam meningkatkan daya pengeluaran ialah organisasi atau susunan kerja. Di zaman dahulu, di mana pasaran adalah terhad kepada persekitaran yang berdekatan, sudah memadai jika seseorang membuat sesuatu barang di rumahnya di masa lapang untuk dijual di bandar yang berdekatan. Tetapi sekarang kita telah menjelma menjadi 'mass-consumer market' di mana permintaan mengatasi keupayaan pengeluaran seseorang pekerja sambil di rumah. Kita sekarang memerlukan kilang dan pembahagian kerja serta pekerja tetap. Kerja sambil tidak ada tempat lagi. Hakikat ini mesti diterima, jika tidak kita akan dijajah dari segi ekonomi.

9. Di Malaysia belum ada penerimaan oleh sebilangan besar daripada rakyat akan hakikat dan keistimewaan 'mass consumer market'. Masih terlalu banyak perniagaan dan perusahaan yang diusahakan secara kecil-kecilan dan sambil. Di

Malaysia bukan sahaja barang buatan kampung belum disusun supaya sesuai dengan 'mass consumer market', tetapi teksi, bas, menangkap ikan, sawah, kedai makan, gerai, kerja membalak dan lain-lain masih diurus sebagai perusahaan sambilan individu atau syarikat kecil. 'Economies of scale' tidak dapat diadakan. Akibatnya ialah daya pengeluaran yang rendah dan masyarakat terpaksa membayar lebih daripada yang sepatutnya.

10. Keadaan ini disebabkan oleh keengganan bekerjasama. Masing-masing ingin menjadi tuan-punya, tidak mahu berkongsi dan tidak mahu menyerah kerja kepada yang lebih cekap atau ahli-ahli profesional. Gabungan syarikat tidak boleh diadakan. Semua orang ingin jadi proprietor dan tidak ada yang ingin jadi pekerja -- terutama di kalangan bumiputera.

11. Sebaliknya, di negara asing yang maju, perniagaan dan perusahaan diselenggara secara besar-besaran. Organisasi mereka adalah lengkap dengan kepakaran yang diperlukan. Mereka dapat membahagi dan menyusun kerja supaya pembaziran tidak berlaku. 'Economies of scale' dapat dipergunakan dengan secukup-cukupnya. Tidak hairanlah mereka dapat menguasai pasaran dunia dengan jayanya.

12. Faktor organisasi dalam mempertingkatkan daya pengeluaran mestilah diterima bukan sahaja oleh pengurusan, tetapi juga oleh pekerja dan masyarakat keseluruhannya. Ia mestilah dijadikan sebagai satu nilai hidup supaya satu orang satu kail, atau satu orang satu teksi, atau satu bas, atau satu petak sawah, atau satu kilang, tidak akan menghalang daya pengeluaran negara.

13. Yang ketiga pentingnya dalam peningkatan daya pengeluaran ialah susunan kerja dan teknologi. Kita semua tahu bagaimana Henry Ford mencipta "mass production" dalam pengeluaran motokar dan kesannya terhadap bukan sahaja industri motokar tetapi seluruh bidang perusahaan. Hari ini kita melihat banyak susunan dan teknologi baru untuk meningkatkan daya pengeluaran. 'Automated factory' dan robot semakin memainkan peranan dalam usaha ini.

14. Kita mungkin takut aliran ke arah 'automation' dan 'robotization'. Kita mungkin tidak perlu kepadanya. Tetapi susunan kerja dan pembaharuan teknik dan teknologi tidak boleh kita abaikan. Zaman 'factory' di bawah atau di belakang rumah sudah berakhir. Cara-cara pengeluaran mestilah mengikut aliran baru yang sesuai dengan keadaan di negara kita. Jika tidak, sekali lagi kita akan dikalahkan di pasaran, dan pembangunan negara dan diri kita akan terjejas.

15. Akhirnya, daya pengeluaran bergantung kepada kesanggupan menghadapi dan mengatasi segala rintangan dan cabaran. Di Malaysia, jika sesuatu perusahaan hendak dimulakan, soal pertama yang ditonjolkan ialah apakah jenis perlindungan dan bantuan yang akan diberi oleh Kerajaan. Dengan perkataan lain, bukan sahaja penanam padi dan penangkap ikan yang mempunyai 'subsidy mentality' tetapi

pengusaha dan peniaga gergasi juga dikuasai oleh mentaliti yang sama.

16. Memang benar pertolongan Kerajaan adalah perkara biasa di seluruh dunia. Bantuan diberi kerana jika tidak, barang keluaran tidak akan jadi 'competitive' bila berlawanan dengan barangan dari negara lain yang juga mendapat bantuan daripada Kerajaan mereka. Tetapi, perlindungan dan bantuan Kerajaan di negara asing adalah terhad dan bertujuan untuk meninggikan eksport dan mendapat tukaran asing. Di Malaysia perlindungan dipohon bukan untuk menjadi 'competitive' dalam 'export market' tetapi untuk orang tempatan membeli barang buatan dalam negeri. Tukaran asing didapati oleh Malaysia melalui eksport bahan mentah yang bukan sahaja tidak dilindungi oleh Kerajaan tetapi terpaksa membayar cess dan 'export duty'. Jika bahan mentah ini dapat bertanding dengan barang yang sama dari negara lain, sebabnya ialah kita efisien, iaitu kita mempunyai produktiviti yang tinggi dalam bidang-bidang ini. Jika Kerajaan terpaksa melindungi industri getah, kelapa sawit, bijih timah dan lain-lain, mustahil kita akan ada cukup peruntukan untuk membantu lain-lain industri. Dan sudah tentu jika kita terpaksa memberi subsidi kepada semua industri, maka Kerajaan tidak akan mempunyai cukup bekalan wang untuk pentadbiran. Akhir sekali harus semua pihak ingat bahawa walaupun Kerajaan yang melindungi dan memberi subsidi, yang menanggung beban ialah rakyat, kerana mereka terpaksa membayar harga yang lebih dan mereka tidak dapat dibekalkan oleh Kerajaan dengan segala kemudahan kerana wang sudah dihabiskan oleh sebab pemberian subsidi.

17. Memandang kepada hakikat ini maka adalah perlu kita hapuskan 'subsidy mentality' jika kita ingin benar-benar meningkatkan daya pengeluaran. Dengan peningkatan daya pengeluaran, barangan kita akan menjadi lebih 'competitive', baik di pasaran dalam negeri atau di luar negeri. Dalam negeri, kita akan kurangkan beban yang dipikul oleh rakyat, dan di luar negeri kita akan berjaya menembusi pasaran dan menambah pengaliran tukaran asing ke dalam negeri. Dengan itu maka negara dan rakyat akan hidup bahagia.

18. Bahawa daya pengeluaran dapat dipertingkatkan dapat dilihat dari perusahaan kayu. Balak dari Malaysia diimport oleh Korea untuk perabot yang dieksport ke merata dunia dengan harga yang 'competitive'. Tetapi jika ada pun perusahaan perabot di Malaysia ianya dibuat secara kecil-kecilan, mengguna teknik dan 'design' yang usang, dan tidak 'competitive' dalam pasaran dunia. Jika ada perusahaan yang nampak berjaya di Malaysia kita tidak membesarkannya tetapi 100 syarikat lain akan mengadakan kilang yang kecil yang saling berlawanan antara satu sama lain. Dengan ini 'comparative advantage' yang ada pada kita dalam bidang perabot pun hilang dan tidak dapat digunakan untuk meningkatkan daya pengeluaran.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

19. Tumpuan kepada daya pengeluaran dibuat kerana ia merupakan kunci kepada semua masalah ekonomi. Bukan sahaja daya pengeluaran boleh menambahkan pendapatan dan kebahagiaan hidup tetapi ia juga penting bagi mengatasi masalah inflasi dan lain-lain malapetaka ekonomi. Kepercayaan bahawa masalah sara hidup boleh diatasi dengan desakan supaya gaji dan elaun ditambah adalah satu khayalan. Tambahan pendapatan tanpa peningkatan daya pengeluaran cuma akan menaikkan inflasi sekali lagi yang mana ini akan menjejaskan keupayaan pendapatan yang ditambah itu menampung sara hidup yang diperlukan. Dengan itu akan berlakulah 'wage-price spiral' yang tidak menguntungkan sesiapa.

20. Memandang kepada hakikat inilah maka kita berharap semua pihak akan memberi perhatian kepada peranan masing-masing untuk meningkatkan daya pengeluaran. Kempen yang dimulakan ini hendaklah diteruskan sepanjang masa. Kita tidak perlu diskusi akademik dan analisa intelektual. Kita tahu apa dianya daya pengeluaran, apa kesannya dan apakah yang perlu diamalkan untuknya. Jika ada perbincangan ianya hendaklah ditumpukan kepada cara meningkatkan daya pengeluaran. Insya-Allah dengan ini kita akan hidup lebih bahagia dan negara Malaysia akan lebih berjaya dan dihormati di dunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

21. Dengan harapan ini saya dengan segala sukacitanya melancarkan kempen Bulan Daya Pengeluaran Kebangsaan ini.